

## ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap tekanan kerja, tahap kepuasan kerja yang dialami oleh guru dan tahap komitmen guru sekolah di daerah Kota Bharu, Kelantan. Selain daripada itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti punca-punca yang membawa tekanan kepada guru. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat perbezaan tahap tekanan kerja, tahap kepuasan kerja dan tahap komitmen guru dari segi jantina, pengalaman mengajar dan kelas yang diajar.

Kajian ini melibatkan seramai 150 orang guru yang mewakili lima belas buah sekolah di sekitar daerah Kota Bharu. Data-data telah diperolehi dengan menggunakan kaedah soal selidik.

Dapatan kajian menunjukkan tahap tekanan yang dialami oleh guru pada keseluruhannya adalah di tahap sederhana tertekan. Dalam tahap kepuasan kerja, dapatan kajian menunjukkan bahawa lebih ramai guru menyatakan bahawa tahap kepuasan kerja mereka adalah di tahap yang tinggi. Dapatan kajian juga mendapati sebahagian besar daripada guru ini menunjukkan tahap komitmen yang tinggi terhadap profesion guru.

Lima punca utama yang boleh menyebabkan tekanan kepada guru ialah terlalu banyak kerja perkeranian, terpaksa menangani pelajar-pelajar yang berkelakuan buruk, sikap pelajar terhadap kerja sekolah, terpaksa mengajar kelas yang besar, kekurangan masa untuk berehat dan bersantai akibat daripada jadual waktu yang berat.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap tekanan yang dialami oleh guru lelaki dan guru perempuan. Namun demikian tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap tekanan yang dialami oleh guru sama ada dari segi pengalaman mengajar atau kategori kelas yang diajar.

Demikian juga, hasil kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap kepuasan kerja guru sama ada dari segi jantina, pengalaman mengajar dan kelas yang diajar.

Analisa menunjukkan bahawa guru lelaki menunjukkan tahap komitmen yang tinggi berbanding guru perempuan. Begitu juga terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap komitmen guru yang mempunyai pengalaman mengajar antara 1-3 tahun dan guru yang mengajar lebih daripada 4 tahun. Walau bagaimanapun tidak terdapat perbezaan dalam tahap komitmen guru dari segi kategori kelas yang diajar.

## **ABSTRACT**

### **JOB STRESS AND JOB SATISFACTION AMONG SECONDARY SCHOOL TEACHER IN KOTA BHARU, KELANTAN**

The purpose of this study is to identify the levels of job stress, job satisfaction and teacher's commitment in the district of Kota Bharu, Kelantan. It is also to identify the sources that lead to stress among teachers. In addition, this study is to overview the different levels of job stress, job satisfaction and teacher's commitment according to gender, working experience and classes taught.

The study is in the form of a survey using questionnaires which involve a sample of 150 teachers in 15 secondary schools in the district of Kota Bharu.

The findings indicate there is a medium levels of stress among teachers but in the other hand, they have a high level of job satisfaction. It is also found that majority of teachers show a high level of commitment in teaching.

Five main factors that contribute to stress are too much clerical work, handling student problems, negative attitude from students towards school work, teaching in the large classes, limited resting time due to heavy working schedule.

Findings also show a significant difference in the levels of stress faced by the male and female teachers. However, there is no significant difference in the levels of stress faced by the teacher in relation to teaching experience or the level of classes taught by the teacher.

The result shows no significant differences in the levels of job satisfaction among teacher in relation to gender, teaching experience and categories of classes taught.

Analysis shows that male teachers have a high levels of commitment compared to female teachers. There is also a significant difference in the levels of commitment between teachers with 1-3 years of working experience and teachers with more than 4 years of working experience. Nevertheless, there is no significant difference in the levels of commitment in relation to the categories of classes taught.